



26 Ogos 2020
26 August 2020
P.U. (A) 240

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2020

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 3) ORDER 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 3) 2020**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 27 Ogos 2020 .

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam yang diterbitkan oleh DanaInfra Nasional Berhad menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam yang disebut “Program IMTN dan ICP” dalam Perintah ini, dengan nilai nominal sehingga sepuluh bilion ringgit (RM10,000,000,000.00):

Dengan syarat bahawa agregat digabungkan nilai nominal belum berbayar Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Kemudahan Pusingan Kredit Islam Bersindiket yang disebut “Kemudahan SFF-i” dalam Perintah ini, tidak boleh melebihi sepuluh bilion ringgit (RM10,000,000,000.00);

- (b) Kemudahan SFF-i dalam amaun prinsipal belum berbayar agregat tidak melebihi empat bilion ringgit (RM4,000,000,000.00) tertakluk kepada agregat digabungkan yang disebut dalam subperenggan (a);
- (c) Program IMTN dan ICP yang telah dipertingkatkan dengan nilai nominal daripada enam puluh satu bilion ringgit (RM61,000,000,000.00) kepada nilai agregat maksimum sehingga tujuh puluh satu bilion ringgit (RM71,000,000,000.00); dan
- (d) jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Program IMTN dan ICP dan Kemudahan SFF-i.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) DanaInfra Nasional Berhad yang baginya Akta terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (DanaInfra Nasional Berhad) 2012 [*P.U. (A) 176/2012*];
- (b) mana-mana pemegang Program IMTN dan ICP;
- (c) mana-mana pembiaya Kemudahan SFF-i; atau
- (d) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program IMTN dan ICP atau jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara atau dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 25 Ogos 2020

[MOF. SID(S) 700-14/2/8 JLD. 2(2); PN(PU2)232/XV]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 3) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [Act 96], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 3) Order 2020**.

(2) This Order comes into operation on 27 August 2020.

Application

2. This Order shall apply to—

(a) the Islamic Medium Term Notes and Islamic Commercial Papers issued by DanaInfra Nasional Berhad pursuant to the Islamic Medium Term Notes and Islamic Commercial Papers Programme which in this Order is referred to as the “IMTN and ICP Programme”, in nominal value of up to ten billion ringgit (RM10,000,000,000.00):

Provided that the combined aggregate of the outstanding nominal value of the Islamic Medium Term Notes and Islamic Commercial Papers and the outstanding principal amount under the Syndicated Islamic Revolving Credit Facility which in this Order is referred to as the “SFF-i Facility”, shall not exceed ten billion ringgit (RM10,000,000,000.00);

(b) the SFF-i Facility in the aggregate outstanding principal amount not exceeding four billion ringgit (RM4,000,000,000.00) subject to the combined aggregate mentioned in subparagraph (a);

- (c) the IMTN and ICP Programme which has been upsized in nominal value from sixty one billion ringgit (RM61,000,000,000.00) to a maximum aggregate value of up to seventy one billion ringgit (RM71,000,000,000.00); and
- (d) the guarantee given by the Government of Malaysia relating to the IMTN and ICP Programme and SFF-i Facility.

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [Act 53] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the product, facility, programme and guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full:

- (a) DanaInfra Nasional Berhad to which the Act applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (DanaInfra Nasional Berhad) Order 2012 [P.U. (A) 176/2012];
- (b) any holder of the IMTN and ICP Programme;
- (c) any financier of the SFF-i Facility; or
- (d) any other party to any agreement, note, instrument and document relating to the IMTN and ICP Programme or the guarantee given by the Government of Malaysia including any party to whom such agreement, note, instrument or document is transferred or assigned.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the product, facility, programme and guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full.

Made 25 August 2020
[MOF. SID(S) 700-14/2/8 JLD. 2(2); PN(PU2)232/XV]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance